

Analisis Perspektif Umum Penganjuran Webinar Pelajar Berkaitan Penyakit Katarak  
(*Analysis of Public Perspectives on a Student-Led Webinar on Cataract Disease*)

MIZHANIM MOHAMAD SHAHIMIN\*, ANG WEI WEN, GRACE SIM SHYR RU, INTAN NUR SAHFINA ISHAMEED, KAVIYARASI K. SANTHARAN, MUHAMMAD AMINUDDIN MUHAMMAD ZIHNI, NEWMEN JAMMY, NORFARAHANIS ABDULLAH, NUR IWANA RAZALI, NUR MARSYA SABRINA MOHAMAD SAHRIZAL, NURUL SHAFIQAH MOHD NAZLI & SELENA SIEH YI HAN

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menilai perspektif umum mengenai penganjuran webinar komuniti berkaitan penyakit katarak. Kajian berbentuk keratan rentas ini dilakukan pada 73 orang peserta yang telah menyertai satu webinar yang dianjurkan mahasiswa/i program Optometri dan Sains Penglihatan, Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Data dikumpulkan menggunakan soal selidik berstruktur yang diedarkan melalui aplikasi Google Form selepas webinar komuniti tersebut selesai. Seramai 53 orang peserta telah mengisi soal selidik yang disediakan dengan lengkap (72.6%). Data demografi peserta, perspektif peserta tentang perjalanan dan pengisian program webinar serta penilaian tahap kesedaran dan pengetahuan peserta berkaitan topik webinar, telah dicerap melalui soal selidik tersebut. Webinar ini telah disertai oleh peserta dari beberapa buah negeri di Malaysia seperti Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Sarawak. Majoriti peserta (92%) memberikan gred 5 (Sangat Setuju) mengikut skala Likert kepada pengurusan webinar. Peserta juga merasakan bahawa kesedaran dan pengetahuan terhadap penyakit katarak meningkat selepas mengikuti webinar tersebut. Dapatan analisis perspektif umum yang positif terhadap penganjuran webinar pelajar berkaitan penyakit katarak ini menunjukkan potensi kaedah webinar ini dalam menyebarkan ilmu kesihatan kepada umum.

Kata Kunci: perspektif umum, kesedaran umum, webinar komuniti, katarak, optometri.

ABSTRACT

*This study aimed to investigate general perspective on the organization of community webinar on cataract disease. This cross-sectional study was conducted on 73 participants who participated in a webinar organized by students of the Optometry and Vision Sciences Program, Faculty of Health Sciences, Universiti Kebangsaan Malaysia. Data was collected using a structured questionnaire distributed through the Google Forms application after the community webinar session. A total of 53 participants completed the questionnaire (72.6%). Participants' demographic data, their perspectives on the content and running of the webinar program, as well the level of awareness and knowledge on the webinar topic, were collected from the questionnaire. This webinar was attended by participants from several states in Malaysia such as Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka and Sarawak. The majority of participants (92%) agreed that the webinar was planned and managed well. Participants also agreed that their awareness and knowledge of cataract disease increased after attending the webinar. The findings showed a positive general perspective on the organization on this student-led webinar. This presents potential of the webinar method in disseminating health knowledge to the public.*

*Key Words: Public perspectives, public awareness, webinar, cataract, optometry.*

## PENGENALAN

Katarak adalah penyebab kebutaan utama di dunia yang boleh diubati. Katarak terbentuk apabila protein yang terdapat dalam kanta kristalin mata terurai dan menyebabkan kanta bertukar daripada jernih kepada legap. Penyakit ini terjadi akibat proses normal penuaan, tetapi boleh juga berlaku secara kongenital atau dapatan, seperti trauma (Rao et al. 2011). Kajian terkini daripada *Malaysian National Eye Survey (NES II)* menganggarkan sebanyak 58.6% kes yang menyebabkan kebutaan di Malaysia adalah berpunca daripada penyakit katarak yang tidak dirawat (Chew et al. 2018). Oleh yang demikian, masyarakat umum perlu didedahkan kepada tanda, gejala dan rawatan sesuai berkaitan penyakit ini agar pencegahan awal dapat diambil. Kesedaran berkaitan penyakit katarak harus ditingkatkan kerana bukan sahaja kebutaan dapat dielakkan, tetapi juga membantu meningkatkan kualiti hidup dan sosio-ekonomi pesakit tersebut (Menezes et al. 2016).

Program Optometri dan Sains Penglihatan, Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Kebangsaan Malaysia telah mengorak langkah inovatif dengan mengadakan program jangkauan komuniti khidmat masyarakat secara maya untuk meningkatkan kesedaran umum berkaitan isu-isu penglihatan. Aktiviti ini diterapkan sebagai salah satu kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) mahasiswa/i program di bawah kursus Klinik Khas semasa pandemik Covid-19 yang melanda negara. Program khidmat masyarakat yang lazimnya dijalankan melalui saringan penglihatan percuma kepada masyarakat telah diubahsuai kepada pendekatan digital dengan mengadakan webinar umum berkaitan isu-isu penglihatan. Topik katarak telah dipilih sebagai topik webinar kendalian sepenuhnya mahasiswa/i Program Optometri dan Sains Penglihatan Tahun Tiga, bersempena Bulan Kesedaran Penyakit Katarak pada setiap bulan Jun.

Insiden penyakit katarak yang masih tinggi di Malaysia menunjukkan kesedaran dan pengetahuan masyarakat agak kurang mengenai faktor risiko, ciri-ciri dan tanda penyakit ini serta pilihan rawatan yang tersedia oleh pengamal penjagaan mata di Malaysia iaitu optometris dan oftalmologis (Foo et al. 2015). Oleh itu, kajian ini bertujuan menganalisa perspektif umum penganjuran webinar pelajar berkaitan penyakit katarak untuk dijadikan asas kepada penyelidik dan pengamal kesihatan jagaan mata merancang program pendidikan dan promosi kesihatan bagi mencegah penyakit katarak dalam masyarakat.

## BAHAN DAN KAEDAH

### Rekabentuk Kajian

Kajian ini adalah kajian prospektif berbentuk deskriptif dan keratan rentas. Program webinar ini telah mendapat kelulusan dari Jabatan Perkhidmatan Pelajar, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM.PPM.UAP.700-2/2/2: DN00799/2021) untuk dianjurkan sebagai aktiviti pelajar kepada orang awam.

### Pensampelan Kajian

Kajian ini menggunakan persampelan bertujuan dengan menyasarkan semua peserta webinar yang menyertai aktiviti yang telah dianjurkan. Soal selidik yang diedarkan terbuka untuk diisi oleh para peserta di akhir sesi webinar. Maklumat pautan soal selidik disertakan dalam ruangan 'chat box' pada platform webinar tersebut.

### Struktur Webinar Umum

Webinar umum yang dijalankan ini mempunyai beberapa segmen yang dikendalikan sepenuhnya oleh sekumpulan mahasiswa/i Tahun Tiga, Program Optometri dan Sains Penglihatan, Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Pelaksanaan webinar ini adalah di bawah pemantauan Penasihat Program yang juga seorang pensyarah di program yang sama. Webinar umum ini menyetengahkan topik 'Katarak: Dunia Yang Mendung' bersempena Bulan Kesedaran Penyakit Katarak pada bulan Jun. Pengisian program meliputi 'Sesi Tayangan Video', 'Sesi Bual Bicara', 'Sesi Soal Jawab' dan 'Sesi Uji Minda' menggunakan aplikasi Kahoot dalam talian. Kesemua sesi dijalankan secara langsung bersama-sama peserta webinar menggunakan pelantar webinar, Zoom. Pengisian program webinar umum ini adalah bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat umum berkaitan gangguan penglihatan disebabkan katarak dan memberi pendedahan berkaitan pengurusan penjagaan bersama penyakit ini oleh optometris dan oftalmologis.

### Data Cerapan Perspektif Umum

Soal selidik ringkas telah dibangunkan dengan mengadaptasi soal selidik webinar antarabangsa yang pernah dihadiri bagi mencerap dan mengenalpasti perspektif peserta umum webinar tentang 'Pengurusan Program' dan 'Tahap Kesedaran dan Pengetahuan Peserta' terhadap topik yang disampaikan dengan

pendekatan interaktif yang berbeza. Soal selidik yang digunakan bersifat ringkas dan mudah difahami untuk memastikan peserta dapat memberikan maklum balas dalam keadaan santai tetapi berobjektif.


Analisis Data

Dapatan data dicerap menggunakan soal selidik yang menggunakan aplikasi *Google Form* selepas sesi webinar berakhir. Data dianalisa secara deskriptif menggunakan program *IBM SPSS Statistics for Windows, Version 26.0* (Armonk, NY: IBM Corp) dan *Microsoft Excel* (Microsoft Corporation, 2018).

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Analisis Demografik


Seramai 73 peserta telah menyertai webinar umum yang dijalankan ini. Namun, hanya 53 peserta yang melengkapkan soal selidik penilaian program yang diedarkan di akhir sesi webinar (72.6% responden). Jangkauan keterlibatan peserta adalah dari beberapa negeri iaitu Kuala Lumpur (59%; n= 31), Selangor (18%; n=10), Sarawak (17%; n= 9), Negeri Sembilan (4%; n= 2) dan Melaka (2%; n= 1) (Rujuk Rajah 1). Majoriti penyertaan adalah daripada peserta perempuan (81.1%; n= 43).



RAJAH 1. Peratusan Jangkauan Penyertaan Peserta Webinar Mengikut Negeri

Penyertaan peserta juga terdiri daripada pelbagai lapisan umur iaitu daripada julat umur 19 tahun dan ke bawah hingga 60 tahun dan ke atas, tetapi

lebih tertumpu kepada golongan berumur 20-29 tahun (76%; n= 40) (Rujuk Rajah 2).




RAJAH 2. Peratusan Penyertaan Peserta Webinar Mengikut Umur.

### Penilaian Peserta Webinar Terhadap Pengurusan Webinar

Perspektif peserta terhadap penganjuran webinar dinilai berdasarkan soal selidik ke atas beberapa faktor seperti 'Pencapaian Objektif Aktiviti', 'Perjalanan Aktiviti

*Berjalan Lancar*', 'Keberkesanan Aktiviti Dengan Anda', 'Pengisian Aktiviti', 'Kesesuaian Tempat Aktiviti' dan 'Urusetia/AJK' (Rajah 3). Peserta diminta untuk menilai faktor-faktor tersebut mengikut skala Likert iaitu 1 mewakili 'Sangat Tidak Setuju' hingga 5 iaitu 'Sangat Setuju'.



RAJAH 3. Peratusan Penilaian Pengurusan Webinar oleh Peserta

Terdapat banyak maklum balas positif (skala 4 dan 5) bahawa objektif, format, kandungan, dan interaksi dalam webinar ini mencapai sasaran. Respon kumulatif melebihi 90% dapat dilihat pada penilaian keseluruhan webinar ( $\geq 46$  peserta) (Rajah 3). Pengisian program secara santai membolehkan pengetahuan klinikal berkaitan penyakit katarak ini disampaikan secara mudah dan ringkas. Ditambah pula dengan bantuan grafik interaktif dan isi-isi penting yang dipaparkan secara persembahan slide semasa sesi 'Bual Bicara' berlangsung.

Pengurusan webinar memerlukan perancangan yang rapi dan kerjasama daripada semua mahasiswa/i terlibat dan pensyarah sebagai penasihat program. Kaedah PdP dengan menganjuran webinar pelajar kepada masyarakat umum dilihat bukan sahaja mengarah kepada pembelajaran aktif mahasiswa/i itu sendiri, tetapi juga mampu mendekati pelajar kepada masyarakat umum dan melatih kepada penyampaian maklumat kesihatan yang tepat (Owen & Hill 2011; Yost et al. 2016).

Walaupun tiada masalah teknikal yang

dihadapi sepanjang webinar berlangsung, terdapat respon daripada seorang peserta yang merasakan bahawa platform digital yang digunakan kurang sesuai. Ini berkemungkinan akibat kurang pengalaman dan pendedahan dalam penggunaan platform digital Zoom tersebut. Proses berinteraksi semasa webinar secara maya memerlukan peserta mengetahui tentang fungsi-fungsi penggunaan antara muka (*interface*) pelantar maya tersebut seperti butang 'mute', 'chat box' dan sebagainya. Penggunaan pelantar digital boleh diperhalusi untuk membantu masyarakat umum menyertai wadah penyebaran ilmu sebegini di masa akan datang (Foo, & Poddar 2020).

#### Penilaian Peserta Terhadap Kesedaran dan Tahap Pengetahuan Mengenai Katarak Selepas Webinar.


Pengisian webinar berkaitan katarak telah dilakukan melalui beberapa sesi selama dua jam. Pengisian program meliputi 'Sesi Tayangan Video' iaitu video ringkas yang dihasilkan mahasiswa/i berkenaan

katarak pada awal webinar dan diteruskan dengan ‘Sesi Bual Bicara’ yang melibatkan dua panel dan seorang moderator dalam kalangan mahasiswa/i yang mengupas isu-isu berkaitan ciri-ciri, tanda, gejala dan rawatan bagi penyakit katarak. ‘Sesi Soal Jawab’ pula mengurai pertanyaan peserta-peserta webinar melalui soalan-soalan yang diutarakan secara lisan dan juga melalui ‘chat box’. Program webinar diakhiri dengan ‘Sesi Uji Minda’ menggunakan aplikasi Kahoot dalam talian untuk memantapkan kefahaman dan kesedaran peserta kepada penyakit katarak.

Selepas webinar berakhir, peserta dijemput mengisi borang soal selidik untuk mengukur tahap kesedaran dan pengetahuan peserta webinar secara umum terhadap isu-isu katarak yang telah dikupas. Peserta diminta untuk menggred tiga pernyataan mengikut skala Likert iaitu 1 mewakili ‘Sangat Tidak Setuju’ hingga 5 iaitu ‘Sangat Setuju’. Pernyataan-pernyataan tersebut adalah ‘Pernyataan 1: Program ini memberi kesedaran dan input yang bermanfaat berkaitan gangguan penglihatan disebabkan katarak kepada saya’, ‘Pernyataan 2: Program ini dapat menambah pengetahuan saya berkaitan jenis, simptom, tanda dan kesan katarak’ dan ‘Pernyataan 3: Program ini mendedahkan pengurusan katarak dan penjagaan bersama antara optometris dan pakar oftalmologis dalam pengurusan katarak yang saya tidak pernah tahu sebelum ini’.

Secara purata, lebih 90% daripada peserta memberikan gred 5 untuk ketiga-tiga pernyataan tersebut (Rajah 4) yang menunjukkan bahawa tahap kesedaran dan pengetahuan peserta semakin bertambah selepas menghadiri webinar yang dianjurkan. Walaupun pengisian soal selidik ini hanya melibatkan 53 orang daripada jumlah peserta webinar sebenar (73% kadar pengisian soal selidik), respon positif ini menunjukkan bahawa pengisian program mencapai objektif yang dirancang.

Tahap kesedaran dan pengetahuan peserta webinar boleh dianalisa dengan lebih baik jika terdapat data yang mengukur aspek ini sebelum dan selepas peserta menyertai webinar. Namun begitu, pelaksanaan webinar pada peringkat ini dilihat lebih bertumpu kepada penilaian perspektif umum serta melihat kepada jangkauan peserta webinar untuk penyebaran ilmu. Kajian lanjut yang lebih berstruktur boleh dirancang untuk memastikan keberjayaan sesuatu webinar mencapai objektif yang diharapkan. Hasil analisis menunjukkan bahawa perspektif masyarakat umum yang menghadiri webinar ini adalah positif dalam meningkatkan kesedaran mengenai penyakit katarak. Pengetahuan asas yang baik berkaitan katarak dapat membantu mengurangkan risiko kebutaan dengan pemeriksaan mata berkala agar intervensi tepat dapat dilakukan oleh optometris dan oftalmologis (Alimaw et al. 2019, Foo et al. 2015).



RAJAH 4. Tahap Kesedaran dan Pengetahuan Peserta Webinar.

## KESIMPULAN

Analisis perspektif umum terhadap penganjuran webinar ini menunjukkan bahawa webinar adalah strategi yang baik untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan kesihatan mata. Pendidikan dan promosi kesihatan kepada umum melalui pelantar digital boleh dijadikan wadah penyebaran ilmu masa kini, walaupun keadaan semasa tidak membenarkan promosi kesihatan secara bersemuka. Kaedah ini memberi impak meningkatkan kesedaran kesihatan dalam mengurangkan beban penyebab kebutaan dan gangguan penglihatan yang dapat dielakkan, iaitu katarak.

## RUJUKAN

- Alimaw, Y. A., Hussien, M. S., Tefera, T. K. & Yibekal, B. T. 2019. Knowledge about cataract and associated factors among adults in Gondar town, northwest Ethiopia. *PLoS ONE* 14(4): e0215809. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0215809>.
- Chew, F. L. M., Salowi, M.A., Mustari, Z., Husni, M. A., Hussein, E., Adnan, T. H. , et al. 2018. Estimates of visual impairment and its causes from the National Eye Survey in Malaysia (NESII). *PLoS ONE* 13(6): e0198799. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0198799>.
- Foo, C.Y., Lim, K.K., Sivasampu, S., Dahian, K. & Goh, P. P. 2015. Improving the effectiveness of service delivery in the public healthcare sector: the case of ophthalmology services in Malaysia. *BMC Health Serv Res* 15, 349. <https://doi.org/10.1186/s12913-015-1011-0>.
- Menezes, C., Vilaça, K. H. C. and de Menezes, R. L. 2016. Falls and quality of life of people with cataracts. *Revista Brasileira de Oftalmologia*. 75 (1): 40-44. doi:10.5935/0034-7280.20160009.
- Mohalik, R. & Poddar, S. 2020. Effectiveness of Webinars and Online Workshops during the COVID-19 Pandemic. *Social Science Research Network Electronic Journal*. <http://dx.doi.org/10.2139/ssrn.3691590>.
- Owen, D., & Hill, S. 2011. Embedding Public Engagement in the Curriculum: A framework for the assessment of student learning from public engagement. *NCCPE* <https://www.publicengagement.ac.uk/sites/default/files/Assessing%20student%20learning%20from%20PE.Pdf>, 10: 12-13.
- Rao, G. N., Khanna, R., & Payal, A. 2011. The global burden of cataract. *Current Opinion in Ophthalmology*, 22(1), 4-9. doi:10.1097/icu.0b013e3283414fc8.
- Yost, J., Mackintosh, J., Read, K. & Dobbins M. 2016. Promoting Awareness of Key Resources for Evidence-Informed Decision-making in Public Health: An Evaluation of a Webinar Series about Knowledge Translation Methods and Tools. *Front. Public Health* 4:72. doi: 10.3389/fpubh.2016.00072.

Mizhanim Mohamad Shahimin\*, Ang Wei Wen, Grace Sim Shyr Ru, Intan Nur Sahfina Ishameed, Kaviyarasi K. Santharan, Muhammad Aminuddin Muhammad Zihni, Newmen Jammy, Norfarahanis Abdullah, Nur Iwana Razali, Nur Marsya Sabrina Mohamad Sahrizal, Nurul Shafiqah Mohd Nazli & Selena Sieh Yi Han

Program Optometri Dan Sains Penglihatan,  
Pusat Kajian Kesihatan Komuniti (Reach),  
Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
Jalan Raja Muda Abdul Aziz, 50300 Kuala Lumpur, Malaysia.

\*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: [mizhanim@ukm.edu.my](mailto:mizhanim@ukm.edu.my)

Diserahkan: 14 Julai 2021  
Diterima: 12 Ogos 2021